

# Bantuan tambahan mangsa banjir, pemilik perniagaan

Usahawan diberi pembiayaan kewangan tanpa faedah sehingga RM5,000

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Ahmad Suhael Annan  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mesyuarat Khas Penyelarasan Bencana Negara memuktamadkan beberapa bantuan tambahan kepada mangsa banjir seluruh negara, khususnya pemilik perniagaan yang terjejas.

Ia adalah tambahan kepada peruntukan awal berjumlah RM100 juta bagi membaik pulih rumah

dan infrastruktur yang rosak serta Bantuan Wang Ihsan sebanyak RM1,000 yang diberikan kepada setiap ketua isi rumah yang terjejas akibat banjir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata usahawan juga diberi pembiayaan kewangan tanpa faedah atau keuntungan sehingga RM5,000 melalui Bank Simpanan Nasional (BSN).

“Kerajaan turut memperuntukkan sebanyak RM30 juta untuk Pinjaman Pemulihan Banjir melalui TEKUN Nasional, manakala koperasi yang terjejas dibantu melalui Bantuan Kecemasan Koperasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia sehingga RM30,000.

“Kerajaan bersetuju memberikan dua bulan pengecualian sewa kepada penyewa SME Bank's Entrepreneur Premises Complex yang terjejas akibat banjir. Melalui SME Bank, kerajaan akan memudah cara permohonan

penstrukturan semula pinjaman yang terjejas akibat banjir.

“Kerajaan juga ingin mengumumkan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bersetuju menyumbang RM50.8 juta bagi membantu usaha menangani bencana banjir

## Loji percetakan NSTP terjejas

**Operasi** loji percetakan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di Shah Alam terjejas akibat banjir. Berikutan itu, penghantaran akhbar ini akan mengalami kelewatan dalam tempoh beberapa hari sehingga keadaan kembali pulih.

**Pengarang**

dan usaha pemulihan pasca banjir, peningkatan lebih 100 peratus berbanding jumlah RM25 juta yang diumumkan semalam (kelmarin),” katanya.

Antara GLIC dan GLC yang menyumbang adalah PETRONAS, Yayasan Petronas, Khazanah Nasional dan Yayasan Hasanah, Yayasan Sime Darby, CIMB, Celcom, Telekom Malaysia, Yayasan UEM dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Perdana Menteri berkata, dengan geran kerajaan RM25 juta, dana untuk usaha menangani impak banjir dan pemulihan pasca banjir adalah RM75.8 juta.

Terdahulu, Perdana Menteri berkata, anggota penyelamat dengan lebih 41 bot dan 16 lori serta aset lain dikerah memindahkan penduduk yang masih terperangkap dalam bencana banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam.

Beliau berkata, Jabatan Keba-

“Kerajaan juga ingin mengumumkan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bersetuju menyumbang RM50.8 juta”

Ismail Sabri Yaakob,  
Perdana Menteri



jikan Masyarakat (JKM) turut menyediakan makanan bermasakan untuk dihantar ke rumah mangsa banjir dan pusat pemindahan sementara (PPS).

“Pemindahan lebih 500 mangsa banjir sudah bermula sejak Jumaat lalu, membabitkan anggota pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Shah Alam, Subang Jaya dan Puchong,” katanya.

Taman Sri Muda adalah antara kawasan yang teruk terjejas dalam bencana banjir sejak Jumaat lalu apabila paras air meningkat sehingga ada yang melepasi bumbung rumah